



**SIARAN AKHBAR  
JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**MESEJ VIRAL MENGENAI TATACARA PERMOHONAN TRANSIT  
MERENTAS SEMPADAN MELALUI POS-POS KAWALAN DARAT**

1. Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, sukacita merujuk mesej tular yang berkaitan dengan tatacara ringkas menghadapkan permohonan *transit* melalui Negara Brunei Darussalam.
2. Sehubungan dengan itu, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja sukacita merujuk siaran media Jabatan Perdana Menteri bertarikh 29hb., Oktober 2021 mengenai pelanjutan penangguhan sementara kebenaran aktiviti rentas sempadan selama 15 hari lagi dari 1hb., November sehingga 15hb., November 2021, **KECUALI BAGI KEMASUKAN ATAU PERJALANAN TRANSIT YANG TELAH DIBERIKAN KEBENARAN OLEH KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SAHAJA.**
3. Untuk sebarang maklumat lanjut orang ramai bolehlah melayari dan menghubungi;
  - 3.1 Jabatan Perdana Menteri di alamat [www.pmo.gov.bn/travelportal](http://www.pmo.gov.bn/travelportal) atau *travel hotline* di talian 120 semasa waktu bekerja ataupun melalui e-mel kepada [travelapplication@jpm.gov.bn](mailto:travelapplication@jpm.gov.bn); dan
  - 3.2 Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi di talian 2382361 atau 8323741 pada waktu pejabat atau melalui emel kepada [info@customs.gov.bn](mailto:info@customs.gov.bn).

Sekian.

Tarikh: 30hb., Oktober 2021

RUJ: [10] RCED/PR/1/2021